

**TEKS UCAPAN**  
**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**  
**MENTERI KERJA RAYA**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PENUTUP DAN PENYERAHAN TRAVEL**  
**GUIDE FTROADPEDIA ZON SELATAN 2017**  
  
**DI DEWAN JUBLI INTAN, JALAN AYER MOLEK,**  
**JOHOR BAHRU**  
**8 MEI 2017**

Assalamualaikum W.B.T, Salam Sejahtera , Salam infrarakyat, Salam FTRoadpedia & Salam Negaraku Malaysia

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat - Nya, dapat kita berhimpun pada malam ini bersempena dengan Program Jelajah FTRoadpedia KKR 2017 Zon Selatan yang melibatkan Negeri Selangor, Negeri Sembilan, Negeri Melaka dan Negeri Johor Darul Ta'zim. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda.

Terlebih dahulu, saya bagi pihak Kementerian Kerja Raya dan seluruh warga rombongan FTRoadpedia Zon Selatan, ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YB Datuk Ir. Haji Hasni Bin Haji Mohammad, Pengerusi

Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Negeri Johor yang mewakili YAB Dato' Seri Mohamed Khaled Bin Nordin, Menteri Besar Johor dan kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim, di atas kerjasama, bantuan dan sokongan yang diberikan bagi menjayakan program ini.

Untuk makluman YB Datuk dan hadirin yang dihormati sekalian, Negeri Johor adalah destinasi terakhir rombongan FT Roadpedia Zon Selatan. Tim FT bergerak dari pejabat KKR di Jalan Sultan Salahuddin, pada 7hb Mei, disambut JKR Selangor, untuk Flag Off di Beranang, iaitu sempadan Selangor / Negeri Sembilan, singgah sebentar di Rembau, kemudian bermalam di Melaka. Kami sempat menaiki river cruise bersama-sama YAB Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Harun, dan esoknya, 8hb Mei, menikmati juadah popular, iaitu Mee Racun di Batu Pahat, sebelum menjejak tanah paling selatan di Benua Asia, Tg Piai. Alhamdulillah, akhirnya sampai jua di Johor Bharu, kota metropolitan Harimau Selatan.

Jelajah FT kali ini mengangkat tema ***“Menjejak Warisan Sejarah Jalan Raya – 0km ke 0km”*** memandangkan negeri-negeri yang diselusuri, bukan sahaja kaya dengan sejarah warisan serta adat, sosio budaya masyarakat setempatnya, malah sarat dengan produk pelancongan yang eksotik untuk dinikmati sendiri dalam kembara Jalan Persekutuan. Cuba lah untuk Cipta Detik Indah Bersama dalam jelajah FT Roadpedia anda sendiri. Saya pasti perjalanan menelusuri FT bakal mencipta momen indah anda semua, sama ada bersama keluarga mahu pun sahabat handai.

## **PERLAKSANAAN PROGRAM JELAJAH FTROADPEDIA KKR 2017 ZON SELATAN.**

YB Datuk, Dato-Dato, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

Program Jelajah FTRoadpedia KKR 2017 Zon Selatan adalah program ketiga diadakan, sebagai kesinambungan kepada dua FTRoadpedia yang diadakan sebelum ini iaitu FTRoadpedia Zon Timur, bermula dari Kompleks Kerja Raya (KKR) Kuala Lumpur → Kuantan → Kuala Terengganu pada 23 hingga 25 Februari yang lalu. Jelajah Zon Timur ini melalui FT68, FT02 dan FT03, dengan jarak 462 kilometer.

Dalam jelajah pertama pada 6 dan 7 Ogos 2016, FTRoadpedia Zon Tengah membawa tim kembara FT menjelajah sejauh 203 km melalui FT05 dari KKR dan berakhir di Dewan Komuniti Bestari, Batu 10, Lekir, Manjung, Perak. Kedua-dua Program FTRoadpedia sebelum ini juga disertai oleh saya sendiri, bersama Pegawai Atasan KKR dan agensi, RakanKKR dan pengamal media.

Perjalanan FTRoadpedia masih jauh, baru menelusuri 1,353 kilometer daripada keseluruhan 19,822 kilometer Jalan Persekutuan. In shaa Allah, sebelum berakhirnya tahun 2017 ini, KKR akan menjelajah lagi ke Zon Utara meliputi Perak Utara, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis.

YB Datuk dan Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Sebagaimana dua program Jelajah FT Roadpedia KKR sebelum ini, Jelajah sejauh 688 km kali ketiga ini turut membabitkan aktiviti meninjau tugas JKR dan syarikat konsesi, merakam tempat menarik sepanjang laluan FT05, FT01, FT19, FT95, FT52 dan FT23 seperti tempat rekreasi, tempat makan, penginapan, tempat bersejarah, rumah ibadat dan sebagainya.

Rakan media juga turut serta dalam rombongan ini dan merakam lokasi-lokasi menarik sepanjang kembara FT ini untuk dipromosikan melalui media cetak, elektronik dan media sosial. Terimakasih saya ucapkan kepada rakan-rakan media dan Rakan KKR yang membantu kita dalam menyebarkan lagi informasi kemudahan di sepanjang jalan FT seperti lokasi inap, makan dan lawat yang menyeronokkan, istimewa untuk pengguna Jalan Persekutuan yang gemar mencipta momen mereka sendiri.

Selepas perjalanan sejauh 688 km, tibalah malam kemuncak Jelajah FT Roadpedia Zon Selatan. Alhamdulillah, 70 pengembara FT Roadpedia selamat tiba untuk bersama-sama berada di Majlis Penyerahan buku Panduan Jalan Persekutuan, iaitu Travel Road Guide siri 3 kepada YAB Menteri Besar Johor Darul Ta'kzim yang diwakili oleh YB Datuk Ir. Haji Hasni Bin Haji Mohammad sebagai tanda terima kasih kami. Buku ini kita hasilkan untuk setiap kali program FT Roadpedia, mengandungi informasi khususnya mengenai Jalan Persekutuan, yang saya yakin dapat membantu menambah lagi pengetahuan pengguna mengenai Jalan Persekutuan.

## **SEPINTAS LALU SEJARAH FT DI NEGERI JOHOR**

YAB Dato' Seri dan para hadirin sekalian,

Izinkan saya untuk berkongsi sepintas lalu mengenai sejarah FT di Negeri Johor. Sejarah pembinaan Jalan Persekutuan di Negeri Johor bermula ketika pemerintahan Sultan Sir Abu Bakar ibni Al-Marhum Raja Daeng Ibrahim (3 Februari 1833 - 4 Jun 1895) yang telah memajukan Johor dengan menggabungkan tradisi Melayu dengan kosmopolitan Barat. Baginda digelar Bapa Johor Moden.

Penasihat Baginda Sultan yang sangat dikagumi dalam sejarah pembinaan Jalan raya di negeri Johor ialah Dato' Muhamad Salleh bin Perang, Dato' Bentara Luar Johor (1841 - 21 Julai 1915). Datuk Bentara Luar dianggap sebagai arkitek dan perancang pembangunan negeri Johor. Menurut catatan, asas kepada 3 jalan persekutuan di Negeri Johor ini iaitu Jalan Persekutuan 1, mula dibina tahun 1880, Jalan Persekutuan 3 mula dibina pada tahun 1866 dan Jalan Persekutuan 5 pula mula dibina pada tahun 1887 hasil perancangan dan inisiatif Dato' Muhamad Salleh.

## **JALAN PERSEKUTUAN UTAMA**

YB Datuk dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Bagi Negeri Johor, terdapat beberapa laluan FT yang amat signifikan kepada pembangunan negara iaitu Jalan Persekutuan 1 (FT1), Jalan Persekutuan 3 (FT3), Jalan Persekutuan 5 (FT5), Jalan Persekutuan 12 (FT12) dan Jalan Persekutuan 50 (FT50). Jalan Persekutuan 1 (FT1) yang bermula di

Johor Baharu merentasi bahagian tengah Negeri Johor iaitu Ayer Hitam, Segamat dan seterusnya memasuki Negeri Sembilan di Gemas. Panjang keseluruhan FT1 ialah 826.6 km (513.6 batu). Laluan yang bermula di Johor Bahru ini berakhir di Bkt Kayu Hitam, Kedah. Panjang keseluruhan jajaran FT1 di Negeri Johor ialah 215.81 km.

Jalan Persekutuan 3 (FT3) merupakan jalan persekutuan utama di sepanjang pantai timur Semenanjung Malaysia melalui 3 buah negeri pantai timur Semenanjung iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang dan berakhir di Negeri Johor. FT3 memasuki Negeri Johor melalui Endau, Mersing dan Kota Tinggi sehingga ke Johor Bahru dengan laluan sepanjang 739 kilometer (459 batu) bermula di Rantau Panjang, Kelantan. Panjang keseluruhan jajaran FT3 di Negeri Johor ialah 168.46 km.

Jelajah FT Roadpedia Zon Selatan kali ini telah melalui sebahagian Jalan Persekutuan 5 (FT5) sepanjang 655.9 km yang merupakan salah satu daripada tiga jalan tulang belakang utara-selatan utama di Semenanjung Malaysia. Ia bermula di Persimpangan Skudai di KM18 Lebuhraya Skudai FT1 dekat Skudai, Johor dan berakhir di Jelapang, Perak. Destinasi utama yang dihubungkan melalui FT5 di Negeri Johor ialah Muar, Batu Pahat dan Pontian Kechil. Panjang keseluruhan jajaran FT5 di Negeri Johor ialah 182.53 km.

Laluan Persekutuan 12 (FT12) atau dikenali juga sebagai Lebuhraya Tun Abdul Razak merupakan laluan persekutuan timur-barat di bahagian selatan Semenanjung Malaysia. Jalan sepanjang 147 kilometer (91 batu) menghubungkan Segamat, di Johor sehingga ke

Gambang, di Pahang. Destinasi utama yang dihubungkan melalui FT12 ini ialah Segamat- Keratong- Muadzam Shah- Paloh Hinai- Gambang. Panjang keseluruhan jajaran FT12 di Negeri Johor ialah 19.58 km.

Laluan Persekutuan 50 (FT50) - Jalan Batu Pahat-Kluang-Mersing merupakan laluan persekutuan yang menghubungkan bahagian timur dan barat Negeri Johor. Jalan sepanjang 140 kilometer (87 batu) menghubungkan Batu Pahat, sehingga ke Jemaluang (Mersing), Johor. Destinasi utama yang dihubungkan melalui FT50 ini ialah Batu Pahat- Ayer Hitam- Kluang- Kahang dan Jemaluang.

YB Datuk dan para hadirin sekalian,

Jelajah FTRoadpedia merupakan usaha yang dilaksanakan untuk mencapai objektif berikut;

1. Pembaharuan imej dan perspektif positif (*refreshing outlook*) terhadap Jalan Persekutuan yang dibina dan diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).
2. Menonjolkan (*highlight*) Jalan Persekutuan sebagai jalan utama.
3. Menggalakkan rakyat Malaysia menggunakan Jalan Persekutuan sebagai suatu nikmat kembara budaya dan gaya hidup melalui slogan “cipta detik indah bersama” (*Let’s Create A Moment*)

Alhamdulillah sepanjang Jelajah FTRoadpedia Zon Selatan ini, saya bersama-sama Pengurusan Atasan Kementerian dan Agensi telah berkesempatan turun padang bagi meninjau sendiri laluan Jalan

Persekutuan, melihat sendiri keadaan dan tahap kualiti Jalan Persekutuan.

Antara projek yang sempat dan akan kami tinjau dalam FT kali ini adalah;

1. Projek membina Masjid baru di Batang Tiga, Klebang, Melaka.
2. Projek Jambatan Parit Keliling Batu Pahat (FT05).
3. Projek perintis Penggunaan Asphalt Terubahsuai Getah Bekuan (CMA) di Kg Desa Temu Jodoh, Segamat (FT1) – yang ini dalam perjalanan balik, esok 9hb Mei.
4. Projek Menaiktaraf Jalan Muar – Tangkak – Segamat. (Fasa 1; Segamat – Tangkak ) – Pakej 3 (FT23) – esok 9hb Mei.

Dalam sudut pandangan yang berbeza saya melihat ini merupakan peluang bagi saya sendiri untuk memantau dan mengaudit perjalanan projek-projek yang sedang rancak dilaksanakan di tapak mahupun kerja-kerja rutin oleh pihak konsesi.

Di peringkat ini saya percaya bahawa rakyat khususnya masyarakat setempat sedar bahawa Kementerian amat serius dalam mempertingkatkan pembangunan infrastruktur sama ada di bandar mahupun luar bandar. Justeru pelaksanaan program Jelajah FTroadpedia Jalan Persekutuan ini adalah bernawaitukan kesejahteraan rakyat, berpaksikan komitmen KKR, agensinya dan juga Agensi Kerajaan di peringkat Negeri, dalam mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam hingga ke akar umbi.

Saya percaya kempen FTRoadpedia mampu mengubah gaya hidup rakyat untuk menikmati dan memanfaatkan rangkaian Jalan



Persekutuan yang merupakan jalan penghubung utama di negara ini. Tak Kenal Maka Tak Cinta. Kenali Jalan Persekutuan, kerana di situ ada falsafah mengenali masyarakat setempat melalui kelainan gaya hidup, makanan dan adatnya.

Impak dan momentum positif program ini akan disemarakkan lagi, KKR akan meneruskan program Jelajah FTRoadpedia ke Zon Utara dengan suntikan aspirasi patriotisme #Demi Negaraku dan #Infra Rakyat.

YB Datuk dan Hadirin Sekalian,

Disamping memantau keadaan Jalan dan projek di Jalan Persekutuan yang dilalui Jelajah FTRoadpedia turut sama mempromosi tempat menarik sepanjang laluan yang didokumenkan dalam Travel Guide untuk disebar kepada semua pengguna Jalan Persekutuan.

Alhamdulillah, rombongan FTRoadpedia Zon Selatan berkesempatan singgah di Tanjung Piai yang merupakan titik paling akhir Tanah Besar Benua Asia terletak di dalam Taman Negara Tanjung Piai. Saya dimaklumkan bahawa taman ini juga telah diisytiharkan tapak Ramsar pada 31 Januari 2003 dalam Konvensyen Tanah Lembap Berkepentingan Antarabangsa yang pertama pada tahun 1971.

YB Datuk dan para hadirin sekalian,

Kami juga amat teruja kerana turut berkesempatan melalui kawasan yang bersejarah di sekitar Johor Baharu, untuk melihat sendiri beberapa monumen sejarah tinggalan 'Bapa Johor

Moden'. Kesan dan sejarah lokasi yang pernah menjadi pusat pemerintahan Kesultanan Johor ini pastinya akan menimbulkan rasa bangga bukan sahaja bangsa Johor bahkan seluruh warga Malaysia kerana sumbangan Baginda yang menjadikan Johor sebagai negeri Melayu pertama yang mengamalkan sistem raja berperlembagaan melalui Undang-undang Tubuh Negeri Johor yang dimasyhurkan oleh Sultan Abu Bakar sendiri.

Menikmati detik indah bersama pastinya merasai masakan dan hidangan tradisi Negeri Johor. Antaranya Laksa Johor, Mi Racun Batu Pahat, Sate, Roti Kirai / Roti Jala, Burasak, Nasi Briyani Gam, Goreng Pisang Mawar dan InsyaAllah esok kita akan menikmati masakan kari kambing 40 hari di Ayer Hitam.

YB Datuk dan hadirin sekalian,

Sebelum memasuki Negeri Johor melalui Jalan Persekutuan 5 (FT5), saya bersama rombongan FTRoadpedia Zon Selatan ini telah singgah dan bermalam di Negeri Melaka Bandaraya Warisan Dunia.

Sebaik saja memasuki Melaka melalui jalan FT19 tidak jauh dari sempadan Negeri Sembilan, terdapat sebuah makam bersejarah iaitu makam Dato' Naning Dol Said yang merupakan pejuang pertama yang memulakan gerakan menentang British pada tahun 1831. Makam Dato' Dol Said terletak dekat Kampung Taboh Naning, Alor Gajah.

Satu lagi mercu tanda sejarah Melaka yang menjadi kunjungan ramai ialah Pintu Gerbang Santiago (Porta de Santiago) yang merupakan pintu masuk kota A Famosa iaitu kubu yang dibina oleh orang Portugis

selepas menakluki Melaka pada 1511. Di Bandar Hilir Melaka terdapat pelbagai kesan tinggalan sejarah Portugis, Belanda dan British.

Akhir sekali, nikmat kembara budaya kota Melaka pastinya tidak lengkap jika tidak menyusuri Sungai Melaka serta menikmati kelazatan asam pedas Melaka. Yang lama jangan dilupa, yang baru dan terkini, mesti juga mahu dirasa. JKR Melaka menghidangkan minum petang yang kini sangat popular – iaitu kueh keria antarabangsa dan coconut shake.

YB Datuk dan para hadirin sekalian,

Melalui Jalan Persekutuan 1, Jelajah FT Roadpedia Zon Selatan memasuki sebuah lagi negeri yang unik dengan adat, kebudayaan, sejarah, tradisi dan sistem politiknya iaitu Negeri Sembilan. Istilah ‘masuk suku’ adalah Adat perpatih yang telah wujud di Tanah Melayu sejak kurun ke-14, dan kekal menjadi adat yang unik di Negeri Sembilan sehingga kini. Ia amat jelas diterangkan dalam pembahagian harta pusaka, gelaran dan juga suku.

Kunjungan ke Negeri Sembilan boleh diikuti dengan selesa dan tenang melalui beberapa Jalan Persekutuan seperti FT1, yang merentasi bahagian tengah Negeri Sembilan bermula di sempadan Negeri Selangor dekat pekan Beranang, seterusnya melalui Seremban, Rembau, Tampin, Gemas, dan berakhir di sempadan Negeri Johor, di Gemas Baru.

Jika kita melalui Jalan Persekutuan 5 (FT5) pula, pengguna Jalan Persekutuan boleh menyusuri pantai peranginan terkenal di Teluk Kemang dan Port Dickson. Terdapat juga tempat bersejarah di

sepanjang laluan ini iaitu sebuah kota di Lukut, Negeri Sembilan yang dibina oleh Raja Jumaat ibni Raja Jaafar pada 1847 ketika pemerintahan Sultan Selangor yang ketiga iaitu Sultan Muhammad Shah (1826-1857). Kota ini terletak di atas bukit yang dinamakan Bukit Gajah Mati atau disebut juga sebagai "Bukit Raja", yang pada ketika itu dalam pemerintahan Selangor.

Antara identiti menarik dan unik rumah masyarakat Negeri Sembilan ialah reka bentuk bumbung rumah tradisionalnya yang melentik seakan bergonjong, menyerupai bentuk rumah adat Minangkabau di Sumatera Barat.

Demikianlah sepintas lalu catatan Jelajah FT Roadpedia Zon Selatan yang dapat saya simpulkan sebagai menepati nikmat kembara sejarah warisan dan budaya, cipta detik indah bersama dengan tema program kali ini iaitu "Menjejak Warisan Sejarah Jalan Raya – 0km ke 0km".

## **PENUTUP**

YB Datuk dan Para Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebagai penutup, saya ingin sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada YB Datuk Ir. Haji Hasni Bin Haji Mohammad yang mewakili YAB Menteri Besar Johor dan kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim kerana sokongan dan kerjasama bersama tim KKR dalam menjayakan program ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada tim urusetia FT KKR, JKRMalaysia, JKR Negeri, rakan konsesi yang terlibat menjayakan program ini.

Pastinya perjalanan melalui Jalan Persekutuan akan melekat di hati sebagai momen terindah, satu nikmat kembara budaya dan gaya hidup berslogankan "cipta detik indah bersama" (*Let's Create A Moment*). Ayuh....! Cipta Detik Indah Bersama. Jom guna Jalan Persekutuan!

Akhir sekali, terimalah serangkap pantun daripada saya;

Tanjung Piai memang tersohor  
Pantai Mersing indah dan bersih.  
Kepada pemimpin dan warga Johor  
Budimu dikenang dan terimakasih

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalmualaikum warahmatullahi wabarakatuh.